



UUM CORPORATE COMMUNICATION UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

MAKLUMAN KHAS COVID-19 BIL. 4 TAHUN 2020

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BERMULA DARI 10 JUN 2020 SEHINGGA 31 OGOS 2020

1. LATAR BELAKANG

Berdasarkan situasi semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan mengambil kira saranan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 (Ahad) telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020.** UUM akur dengan arahan tersebut yang tertakluk di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Walaupun terdapat kelonggaran yang diberi semasa PKPP, namun **SEMUA STAF DAN PELAJAR** diminta untuk terus mematuhi arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selain daripada pemantauan sendiri oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Staf dan pelajar juga diminta untuk terus mematuhi sebarang arahan yang telah dan akan dikeluarkan oleh pihak Pengurusan Universiti sepanjang tempoh pelaksanaan PKPP ini.

2. PEMAKAIAN

Makluman ini hendaklah dibaca bersama-sama notis, garis panduan dan arahan yang telah dikeluarkan kepada semua staf dan pelajar oleh pihak Pengurusan Universiti berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari tarikh 18 Mac 2020.

3. TARIKH BERKUAT KUASA

Makluman ini berkuat kuasa pada 10 Jun 2020 dan tertakluk kepada arahan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau mana-mana pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA UUM
11 JUN 2020**